

# PM enggan campur tangan siasatan NAFAS, Khazanah

Anwar gesa tindakan tegas diambil kepada pelaku jika terbukti salah

Oleh Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Butterworth:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak akan campur tangan atau menghalang siasatan pihak berkuasa, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap isu skandal baja dalam Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) atau kerugian pelaburan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

Malah, Perdana Menteri berkata SPRM dan polis diminta bertindak tegas jika mendapati ada salah laku dalam kedua-dua isu berkenaan termasuk membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan.

Beliau berkata, tindakan yang diambil tanpa mengira pangkat dan kedudukan individu tanpa mengira bila kesalahan itu dilakukan.

"Kalau salah, siasat. Kalau salah, dakwa. Kalau salah, hukum. Saya tidak peduli. (Dengan cara ini) barulah kita boleh perintah dengan adil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen PICCA, di sini, semalam.

Mengenai siasatan dalam skandal baja padi RM1.8 bilion memabitkan NAFAS, Anwar berkata

beliau menyerahkan kepada pihak berkuasa menyiasat dan tidak akan mengganggunya.

"Itu terpulang kepada siasatan. Apa yang kita nak, yang ambil, yang dapat baja, benih ini semua, kita nak supaya harga patut. Yang import, cara betul. Itu sahaja.

"Saya dah lama marah pada kartel ini. Kartel ini, ada kelompok kecil 'jaga' dia, bukan jaga rakyat, jadi kena faham mengapa siasatan dilakukan.

"Sekarang heboh isu Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). "Walaupun ia badan yang bebas, tapi ia di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Baru-baru ini juga ada kes Khazanah Nasional Bhd, yang mana pengerusinya adalah Perdana Menteri.

"Siapa saja tanpa kecuali. Ada kes, SPRM masuk. Kalau kes je-

nayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) masuk. Tak kira dia jawatan apa, pangkat apa, syarikat kerajaan ke syarikat swasta," katanya.

## SPRM mulakan siasatan

SPRM dilaporkan sudah memulakan siasatan terhadap kerugian pelaburan bernilai RM43.9 juta oleh PNB dan Khazanah dalam syarikat fesyen, FashionValet Sdn Bhd (FashionValet).

Siasatan itu dijalankan susulan jumlah kerugian yang direkodkan oleh kedua-dua agensi berkaitan kerajaan berkenaan itu terlalu besar dan membabitkan kepentingan awam.

Pada Rabu dan Khamis lalu pula, SPRM menahan tiga individu berhubung kartel dalam pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi dianggarkan bernilai RM1.8 bilion di sebuah pertubuhan di bawah kawalan se-



buah kementerian.

Salah seorang daripada yang ditahan itu adalah suspek utama yang juga pengurus di bahagian promosi dan pemasaran sebuah pertubuhan pertanian.

Seorang lagi suspek adalah pengerusi syarikat warganegara asing yang ditawarkan projek pembelian baja padi oleh pertubuhan pertanian terbabit.

Kelmarin, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Amir Matamin, mengemukakan Perlembagaan NAFAS digantung berkuat kuasa sehingga suatu masa ditentukan kelak.

Tindakan itu diambil susulan ketidakharmonian yang berlaku apabila pihak jemaah pengarah NAFAS mengeluarkan kenyataan tanpa merujuk dan membelakangi Pendaftar Pertubuhan Peladang, tetapi menafikan ia berkait siasatan isu kartel baja padi berkenaan.